

SULIT

SPSS/APR2016/DPI1043



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR

PEPERIKSAAN AKHIR

KURSUS	:	PERAKAUNAN KEWANGAN
KOD KURSUS	:	DPI 1043
PEPERIKSAAN	:	APRIL 2016
MASA	:	3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
 - BAHAGIAN A (10 Markah)
 - BAHAGIAN B (30 Markah)
 - BAHAGIAN C (60 Markah)
2. Jawab SEMUA soalan dari BAHAGIAN A, BAHAGIAN B dan BAHAGIAN C.
 - i. Jawab BAHAGIAN A di dalam Borang Jawapan Objektif
 - ii. Jawab BAHAGIAN B dan BAHAGIAN C di dalam Buku Jawapan. Mula menjawab setiap jawapan di muka sura baru
3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Borang Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNG 13 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi SEPULUH (10) soalan. Jawab SEMUA soalan dalam Borang Jawapan Objektif.

1. Siapakah yang bertanggungjawab memperkenalkan sistem catatan bergu yang digunakan pada masa kini?
 - A. Venice
 - B. Luca Pacioli
 - C. Adam Keynes
 - D. John Smith

2. Antara berikut, aktiviti manakah yang **TIDAK** terlibat dalam proses simpan kira?
 - i. merekodkan.
 - ii. mentaksir
 - iii. merancang
 - iv. mengenal pasti
 - A. i dan ii
 - B. i dan iv
 - C. ii dan iii
 - D. iii dan iv

3. Akaun berikut menunjukkan catatan lejar bagi satu urus niaga,
Prinsip manakah yang diamalkan?


Akaun Bank

	2012	RM
	Mei 5 Belian	500

Akaun Belian

2012	RM
Mei 5 Bank	500

- A. Tempoh Perakaunan
 B. Entiti Berasingan
 C. Catatan Bergu
 D. Ketekalan
4. Rajah di bawah ini menunjukkan kitaran perakaunan yang tidak lengkap.



- Apakah nama kitaran yang bertanda X?
- A. Pengeposan ke Lejar
 B. Penyediaan Imbangan Duga
 C. Pelarasan
 D. Catatan Buku Pertama – Jurnal
5. Maklumat berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Liana,

	RM
Aset bukan semasa	30,000
Aset semasa	20,940
Liabiliti bukan semasa	18,000
Liabiliti semasa	1,740

Berapakah ekuiti pemilik perniagaan berkenaan?

- A. RM31,200
- B. RM34,680
- C. RM67,200
- D. RM70,680

6. Urus niaga manakah yang mengurangkan jumlah modal?

- A. Memberi diskau RM300
- B. Menerima Komisen RM800
- C. Membawa masuk tunai peribadi ke dalam perniagaan RM2,400
- D. Mengambil barang niaga untuk kegunaan keluarga RM860

7. Imbangan Duga yang berikut diperoleh daripada Perniagaan Siew Lin,

Imbangan Duga Pada 31 Disember 20X9

	<u>Debit (RM)</u>	<u>Kredit (RM)</u>
Jualan		93,800
Belian	77,000	
Pembiutang		19,500
Penghutang	23,400	
Y	15,000	

Apakah perkara yang bersesuaian untuk Y?

- A. gaji
- B. overdraf
- C. pinjaman
- D. pulangan belian

8. Manakah antara berikut adalah **BETUL** tentang catatan kedudukan baki akaun pada akhir tempoh perakaunan.

	Butir	Baki
i.	Gaji terdahulu	Debit
ii.	Kadar bayaran terakru	Kredit
iii.	Sewa diterima terdahulu	Debit
iv.	Faedah atas Simpanan terakru	Kredit

- A. i dan ii
- B. i dan iv
- C. ii dan iii
- D. iii dan iv

9. Berikut adalah isu-isu dalam perakaunan dan Kewangan Islam **KECUALI**

- A. Isu haul dalam zakat perniagaan
- B. Isu materialiti
- C. Isu inflasi & dinar emas
- D. Isu kad kredit

10. Pernyataan manakah yang **BENAR** berkenaan Perakaunan Islam?

- A. Perakaunan didefinisikan sebagai proses mengenal pasti, merekod, mentafsir, menganalisis, melaporkan maklumat kewangan dan merancang serta mengawal kegiatan perniagaan.
- B. Satu pengiraan hasil-hasil kerja yang halal menurut kaedah syarak dengan dilaksanakan berdasarkan perbandingan pendapatan dan kos.
- C. Kaedah asas bersumberkan AL-Quran dan Sunnah.
- D. Proses mengenal pasti dan merekod urus niaga perniagaan secara teratur dan tepat mengikut sistem catatan bergu.

(10 markah)

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi TIGA (3) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

- a. Berikan definisi perakaunan. (1 markah)
- b. Senaraikan TIGA (3) konsep dan prinsip perakaunan berserta huraiannya. (6 markah)

SOALAN 2

- a. Dengan menggunakan persamaan perakaunan, lengkapkan jadual berikut:

	Aset (RM)	Liabiliti (RM)	Ekuiti Pemilik (RM)
i.	45,000	6,500	
ii.		12,800	62,400
iii.	50,000		40,100

(3 markah)

- b. Berikut adalah transaksi bagi Pernigaan Cemerlang pada bulan Julai 2015.

Tarikh	Transaksi
3	Membeli perabot secara kredit RM850
4	Jualan tunai kepada Indah berjumlah RM1,300
9	Pemilik telah mengeluarkan cek RM750 untuk membayar sewa kediaman
12	Beli barang niaga secara kredit RM3,800

17	Terima cek dari penghutang berjumlah RM2,400
25	Pemilik membawa masuk tunai RM2,000 ke dalam perniagaan dan dibankkan
28	Bayar pembiutang dengan cek RM3,000
31	Bayar gaji pekerja dengan tunai RM800

Dikehendaki:

Nyatakan kesannya terhadap aset, belanja, liabiliti, ekuiti pemilik dan hasil seperti contoh yang ditunjukkan di bawah:

Jul 2015	Aset (RM)		Belanja (RM)		Liabiliti (RM)		Ekuiti Pemilik (RM)		Hasil (RM)	
	(+)	(-)	(+)	(-)	(+)	(-)	(+)	(-)	(+)	(-)
3 (contoh)	Perabot 850	Bank 850								

(7 markah)

SOALAN 3

- a. Bagi setiap transaksi di bawah nyatakan akaun yang terlibat dan catatan debit atau kredit yang betul seperti contoh yang ditunjukkan di bawah:

Transaksi	
Contoh	Beli barang niaga secara tunai RM3,200
i.	Terima cek dari penghutang berjumlah RM2,700
ii.	Bayar pembiutang Cekal Trading dengan tunai RM4,500 dan mendapat diskaun berjumlah RM450

Transaksi	Akaun yang terlibat	Catatan Debit/Kredit
Contoh	1) Akaun Tunai 2) Akaun Belian	Kredit (RM3,200) Debit (RM3,200)
i.		
ii.		

(5 markah)

- b. Berikan **DUA (2)** sebab keperluan penyediaan Akaun Kawalan.

(2 markah)

- c. Bincangkan **TIGA (3)** perbezaan Perakaunan Islam dan Perakaunan Konvensional.

(6 markah)

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi TIGA (3) soalan. Jawab SEMUA soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Transaksi berikut diperoleh daripada buku Perniagaan Niya.

2016

- | | | |
|-----|----|---|
| Jan | 1 | Memulakan dengan perniagaan dengan tunai di bank RM45,000 |
| | 7 | Beli Perabot dengan cek RM4,500 |
| | 10 | Beli stok bernilai RM4,800 daripada Pembekal Jannah |
| | 19 | Jualan Tunai berjumlah RM3,200 |
| | 25 | Bayar Pembekal Jannah dengan cek berjumlah RM2,000 |
| | 28 | Bayar gaji pekerja dengan tunai berjumlah RM2,200 |
| | 31 | Bayar sewa premis perniagaan RM6,000 dengan cek |

Dikehendaki:

- a. Merekod transaksi di atas ke dalam buku catatan pertama (keterangan tidak diperlukan)
(7 markah)

- b. Poskan transaksi di atas ke akaun-akaun yang berkaitan
(7 markah)

- c. Sediakan Imbangan Duga pada 31 Januari 2016.
(6 markah)

SOALAN 2

Imbangan Duga yang berikut diambil daripada Perniagaan Berjaya pada 31 Mac 2016.

Imbangan Duga pada 31 Mac 2016

	<u>Debit (RM)</u>	<u>Kredit (RM)</u>
Alat tulis	200	
Pinjaman		20,000
Ambilan	1,500	
Penghutang		8,200
Pemutang		7,500
Pulangan Masuk	1,200	
Pulangan Keluar		1,450
Angkutan masuk	950	
Kadar bayaran	920	
Diskaun diberi	600	
Diakaun diterima		820
Stok pada 1 April 2016	8,360	
Tunai	1,400	
Bank	6,280	
Belanja am	390	
Premis	80,000	
Modal pada 1 April 2016		52,770
Belian	78,200	
Jualan		120,700
Promosi	540	
Perabot	4,000	
Insurans	2,000	
Gaji	8,500	

Maklumat Tambahan:

- i. Stok akhir pada 31 Mac 2016 bernilai RM10,290
- ii. Kadar bayaran terdahulu RM240
- iii. Susut nilai premis adalah 10% setahun atas kos

Anda dikehendaki menyediakan;

- a. Jurnal pelarasan (keterangan tidak diperlukan);
(5 markah)
- b. Penyata Untung & Rugi bagi bulan berakhir 31 Mac 2016;
(12 markah)
- c. Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2016.
(8 markah)

SOALAN 3

Buku Tunai Perniagaan Al-Falah menunjukkan baki yang berbeza dengan Penyata Bank pada 21 Januari 2016. Yang berikut adalah Buku Tunai dan Penyata Bank pada tarikh tersebut.

Buku Tunai (Ruangan Bank sahaja)

2016		RM	2016		RM
Jan 1	Baki b/b	8,800	Jan 3	Belian	128802
4	Jualan	992	5	Insurans	128803
6	Komisen	532	7	Bengkel Charlie	128804
9	Pasar Mini Elsa	1,890	13	Alat tulis	128805
26	Abady	528	14	Pembekal Halim	128806
29	Jualan	1,604	15	Belian	128807
			18	Kadar bayaran	128808
			20	Perabot	128809
			31	Baki h/b	6,701
		14,346			14,346

Penyata Bank

Tarikh	Butir	No Cek	Debit	Kredit	Baki
2016			RM	RM	RM
Jan 1	Baki b/b				11,200
4	Cek	128802	960		10,240
5	Cek	128803	512		9,728
6	Deposit cek			992	10,720
10	Deposit cek			532	11,252
	Caj bank		24		11,228
12	Cek	128801	2,400		8,828
14	Deposit cek			1,980	10,808
17	Cek	128805	436		10,372
	Cek	128807	776		9,596
19	Cek	128804	1,024		8,572
24	Faedah atas simpanan			180	8,752
26	Pindahan kredit – Kedai Wai Kit			750	9,502
28	Cek	128806	2,288		7,214
29	Cek		1,500		5,714

Maklumat Tambahan:

- i. Cek yang didepositkan pada 9 Januari 2016 dalam Buku Tunai nilainya telah dicatatkan salah.
- ii. Pihak bank telah mendebitkan akaun Perniagaan Al-Falah pada 29 Januari 2016 berjumlah RM1,500 yang sepatutnya didebitkan dalam akaun Perniagaan Al-Fatah.

Anda dikehendaki menyediakan:

- a. Mengemaskini Buku Tunai Perniagaan Al-Falah pada 31 Januari 2016;
(5 markah)
- b. Sediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 21 Januari 2016.
(10 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT

